



12 Julai 2023
12 July 2023
P.U. (A) 207

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH SARAAN PEGUAM CARA 2023

SOLICITORS' REMUNERATION ORDER 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

PERINTAH SARAAN PEGUAM CARA 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 113(3) Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Jawatankuasa Kos Peguam Cara membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Saraan Peguam Cara 2023**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2023.

Saraan

2. Saraan seorang peguam cara berkenaan dengan urusan bukan bertikaian—
 - (a) berkenaan dengan jualan, pembelian atau bentuk pemindahhakan lain bagi menyelesaikan apa-apa transaksi yang melibatkan harta tak alih—
 - (i) saraan peguam cara yang menjalankan transaksi sama ada bertindak bagi penjual, pembeli, pemindah atau penerima pindah, hendaklah mengikut Jadual Pertama;
 - (ii) dalam hal apa-apa transaksi yang tiada dokumen hakmilik individu atau hakmilik strata telah dikeluarkan pada masa transaksi itu mula-mula disempurnakan, saraan peguam cara yang menjalankan penyediaan dan penyempurnaan surat cara pindahmilik yang berikutnya hendaklah mengikut kaedah 2 atau 3 Jadual Keenam, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
 - (iii) dalam hal apa-apa transaksi yang tiada perjanjian jual beli bertulis, atau perjanjian jual beli tidak disediakan oleh peguam cara itu dan peguam cara itu tidak dikehendaki menerangkan atau menasihatkan klien mengenai terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian itu,

atau pindahmilik dilaksanakan atas dasar kasih sayang atau tanpa balasan atau menurut suatu pengisytiharan amanah atau surat cara lain yang serupa, saraan peguam cara yang menjalankan penyediaan dan penyempurnaan surat cara pindahmilik itu hendaklah mengikut kaedah 4 Jadual Keenam;

- (b) berkenaan dengan penyewaan atau pajakan, perjanjian bagi penyewaan atau pajakan dan perjanjian bagi mengekhaskan sewa, saraan bagi peguam cara yang menjalankan dan menyempurnakan transaksi itu hendaklah mengikut Jadual Kedua;
- (c) berkenaan dengan gadaian atau gadai janji, perjanjian bagi gadaian atau gadai janji, perjanjian bagi pembiayaan di bawah perniagaan perbankan Islam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], debentur melalui gadaian tetap atau terapung, dan surat cara lain yang dilaksanakan sebagai sekuriti:
 - (i) saraan peguam cara yang menjalankan dan menyempurnakan transaksi itu bagi mana-mana pihak kepada transaksi pembiayaan itu, hendaklah mengikut Jadual Ketiga; dan
 - (ii) dalam hal apa-apa transaksi yang tiada dokumen hakmilik individu atau hakmilik strata telah dikeluarkan pada masa transaksi yang disebut dalam subperenggan (i) mula-mula disempurnakan, saraan peguam cara yang menjalankan penyediaan dan penyempurnaan surat cara gadaian yang berikutnya hendaklah mengikut kaedah 2 atau 3 Jadual Keenam, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (d) berkenaan dengan pelepasan gadaian atau surat ikatan penyerahhakan mengenai harta yang digadai atau diserahkan hak, saraan peguam cara yang menjalankan dan menyempurnakan transaksi itu hendaklah mengikut Jadual Keempat;

- (e) berkeenaan dengan penyediaan, pemfailan atau penyaksian dokumen pelbagai, saraan peguam cara yang menjalankan perkara-perkara sedemikian hendaklah mengikut Jadual Kelima;
- (f) berkeenaan dengan kerja-kerja bukan bertikaian yang tiada peruntukan dibuat untuk mengawal selia saraan peguam cara dengan cara skala fi atau fi tetap, saraan peguam cara hendaklah mengikut kaedah 1 Jadual Keenam;
- (g) berkeenaan dengan kerja-kerja bukan bertikaian yang tidak disempurnakan, saraan peguam cara hendaklah mengikut kaedah 5 Jadual Keenam; dan
- (h) berkeenaan dengan suatu perjanjian bagi penjualan syer, harta alih atau perniagaan atau nama baik atau perniagaan dan nama baik, saraan peguam cara hendaklah mengikut kaedah 1 Jadual Keenam.

Komposisi saraan

3. (1) Saraan yang dinyatakan dalam Jadual-Jadual tidak termasuk apa-apa yang berikut:

- (a) fi pendaftaran yang kena dibayar bagi dokumen yang perlu didaftarkan;
- (b) duti setem;
- (c) fi peguam, fi pelelong atau fi penilai;
- (d) perbelanjaan perjalanan atau penginapan;
- (e) fi yang dibayar bagi carian;
- (f) kos bagi cabutan daripada mana-mana daftar atau rekod;

- (g) perbelanjaan lain yang dibayar atau ditanggung dengan munasabah dan wajar (yang hendaklah disenaraikan dalam apa-apa bil kos yang diserahkan oleh peguam cara kepada klien);
- (h) kos bagi apa-apa kerja tambahan;
- (i) fi yang berhubungan dengan apa-apa urusan bertikaian;
- (j) fi yang berhubungan dengan apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah; dan
- (k) perbelanjaan pelbagai yang tidak melebihi RM100.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), saraan yang dinyatakan dalam Jadual-Jadual hendaklah termasuk—

- (a) elaun bagi masa peguam cara dan kakitangannya dan semua kehadiran biasa dan perlu; dan
- (b) caj bagi membuat salinan dan alat tulis yang lazim.

Usaha tertentu

4. Berkenaan dengan apa-apa urusan bukan bertikaian yang dikehendaki dilaksanakan dengan usaha tertentu dalam ruang masa yang luar biasa singkat, seorang peguam cara boleh mengenakan saraan tambahan bagi usaha tertentu itu mengikut hal keadaannya.

Bunga

5. Seorang peguam cara boleh mengenakan bunga sebanyak lapan peratus setahun ke atas perbelanjaan dan finya, sama ada ditetapkan oleh skala atau selainnya, mulai tamatnya tempoh satu bulan dari tuntutan yang dibuat terhadap kliennya dan dalam hal yang perbelanjaan dan fi itu kena dibayar oleh seorang kanak-kanak atau daripada suatu kumpulan wang yang belum tersedia, tuntutan itu boleh dibuat ke atas ibu bapa atau penjaga atau pemegang amanah atau orang lain yang bertanggung.

Diskaun

6. (1) Seseorang peguam cara boleh memberi diskaun tidak melebihi dua puluh lima peratus ke atas fi yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Pertama dan Susunan A Jadual Ketiga.

(2) Tiada diskaun boleh diberi ke atas fi yang dinyatakan dalam Susunan B Jadual Pertama, Jadual Kedua, Susunan B Jadual Ketiga, Jadual Keempat, Jadual Kelima dan Jadual Keenam.

Tiada saraan jika bertindak bagi pihak yang satu lagi dalam transaksi yang sama

7. (1) Seorang peguam cara tidak boleh mengenakan saraan ke atas satu pihak jika peguam cara itu juga bertindak bagi pihak yang satu lagi dalam suatu transaksi yang sama.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), seorang peguam cara boleh, jika tiada percanggahan kepentingan, mengenakan saraan bagi pihak yang satu lagi itu jika peguam cara itu telah menyediakan, memfailkan atau menyaksikan dokumen yang dinyatakan dalam Jadual Keempat dan Kelima bagi pihak yang lain itu dalam transaksi yang sama itu.

Pembatalan

8. Perintah Saraan Peguam Cara 2005 [*P.U. (A) 520/2005*] dibatalkan.

Kecualian

9. Walau apa pun perenggan 8, apa-apa urusan bukan bertikaian yang bermula sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan tertakluk kepada Perintah Saraan Peguam Cara 2005.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 2(a)]

Jualan dan Pindahmilik

Susunan A

(1)	(2)
Balasan atau Nilai Yang Diadjudikasi	Skala fi
Bagi RM500,000 yang pertama	1.25% (tertakluk kepada minimum sebanyak RM500)
Bagi RM7,000,000 yang berikutnya	1%
Melebihi RM7,500,000	Tertakluk kepada rundingan di atas lebihan tetapi tidak boleh melebihi 1% daripada lebihan itu

Susunan B

Dalam hal apa-apa transaksi yang tertakluk kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*] atau apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu atau apa-apa perundangan berikutnya yang mengawal pemajuan perumahan, saraan peguam cara yang menjalankan dan menyempurnakan transaksi, sama ada bertindak bagi penjual atau pembeli, hendaklah seperti yang berikut:

(1) Balasan	(2) Skala fi
RM50,000 atau kurang	RM500
Melebihi RM50,000 tetapi tidak melebihi RM250,000	75% daripada fi yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual ini (tertakluk kepada minimum sebanyak RM500)
Melebihi RM250,000 tetapi tidak melebihi RM500,000	70% daripada fi yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual ini
Melebihi RM500,000 tetapi tidak melebihi RM1,000,000	65% daripada fi yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual ini
Melebihi RM1,000,000	50% daripada fi yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual ini

KAEDAH-KAEDAH DI BAWAH JADUAL PERTAMA

1. Seorang peguam cara hendaklah bertindak hanya bagi penjual/pemindah atau pembeli/penerima pindahan dan saraan peguam cara itu hendaklah mengikut skala fi berkenaan yang dinyatakan berdasarkan balasan atau nilai yang diadjudikasi bagi transaksi itu. Peguam cara itu mempunyai budi bicara untuk menentukan sama ada skala fi hendaklah berdasarkan balasan atau nilai yang diadjudikasi dalam Susunan A bagi transaksi itu.
2. Seorang peguam cara yang bertindak bagi pembeli boleh juga bertindak baginya dalam jualan yang berikutnya bagi harta yang sama.
3. Seorang peguam cara yang bertindak bagi pembeli boleh juga bertindak bagi pembiayanya dalam transaksi pembiayaan.

4. Skala fi dalam Jadual ini hendaklah juga terpakai bagi pemindahan gadaian dan pajakan, berdasarkan sama ada balasan bagi pemindahan sedemikian atau nilai yang diadjudikasi, sebagaimana yang ditentukan oleh peguam cara mengikut budi bicaranya.

5. Sebagai tambahan kepada apa-apa fi lain yang kena dibayar kepada seseorang peguam cara di bawah Perintah ini, seorang peguam cara yang mengatur atau mendapatkan—

(a) suatu jualan bagi penjual; atau

(b) suatu belian oleh pembeli;

dan merundingkan harga dan terma-terma dan syarat-syarat jualan atau belian itu, hendaklah berhak mengenakan fi rundingan tambahan yang tidak melebihi 3% daripada jumlah balasan.

6. Saraan yang dinyatakan dalam Jadual ini hendaklah termasuk segala kehadiran biasa dan perlu sehingga penyempurnaan transaksi itu, termasuk penyediaan perjanjian jual beli dan penyediaan dan pendaftaran surat cara pindahmilik atau surat ikatan penyerahhakan sekiranya tiada dokumen hakmilik individu atau hakmilik strata dikeluarkan.

JADUAL KEDUA

[Perenggan 2(b)]

*Pajakan dan Penyewaan**Pajakan*

(1)	(2)
Sewa bulanan	Skala fi
RM10,000 atau kurang	60% daripada sewa bulanan (tertakluk kepada minimum sebanyak RM1,000)
Melebihi RM10,000	Minimum sebanyak 30% daripada sewa bulanan tetapi tidak boleh melebihi 50% daripada sewa bulanan

Penyewaan

(1)	(2)
Sewa bulanan	Skala fi
RM10,000 atau kurang	30% daripada sewa bulanan (tertakluk kepada minimum sebanyak RM500)
Melebihi RM10,000	Minimum sebanyak 15% daripada sewa bulanan tetapi tidak boleh melebihi 25% daripada sewa bulanan

KAEDAH-KAEDAH DI BAWAH JADUAL KEDUA

1. Seorang peguam cara hendaklah bertindak hanya bagi pemberi pajak, tuan tanah, penerima pajak atau penyewa.
2. Saraan peguam cara itu hendaklah mengikut skala fi yang berkenaan dalam Jadual ini.
3. Apa-apa balasan dalam perjanjian pajakan atau penyewaan itu yang dinyatakan sebagai kena dibayar selain melalui sewa (misalnya caj perkhidmatan, penyewaan perabot dan lekapan) hendaklah disifatkan sebagai sewa bagi maksud Jadual ini.
4. Jika suatu sewa berubah kena dibayar dan boleh dipastikan pada masa pelaksanaan perjanjian, saraan peguam cara hendaklah berdasarkan amaun sewa tertinggi yang kena dibayar. Jika suatu sewa berubah tidak boleh dipastikan pada masa pelaksanaan perjanjian, saraan peguam cara hendaklah tertakluk kepada kaedah 1 Jadual Keenam.
5. Jika seorang peguam cara mewakili pemberi pajak atau tuan tanah berkenaan dengan pajakan atau penyewaan bagi sepuluh unit atau lebih di dalam suatu bangunan atau sebahagian daripada suatu bangunan yang menggunakan bentuk standard perjanjian pajakan atau penyewaan, atau jika suatu perjanjian pajakan atau penyewaan diperbaharui atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama pada sebahagian besarnya, saraan peguam cara itu berkenaan dengan setiap pajakan atau penyewaan itu hendaklah 50% daripada skala fi berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual ini, tertakluk kepada fi minimum yang dinyatakan dalam Jadual ini. Kaedah ini tidak terpakai jika peguam cara bertindak bagi penerima pajak atau penyewa.
6. Jadual ini hendaklah terpakai hanya bagi transaksi yang melibatkan harta tak alih dan tidak terpakai bagi pajakan kelengkapan atau sewaan kelengkapan, dan fi bagi transaksi itu adalah tertakluk kepada kaedah 1 Jadual Keenam.

JADUAL KETIGA
[Perenggan 2(c)]

Gadaian, Debentur dan Dokumen Cagaran atau Pembiayaan lain

Susunan A

(1) Amaun dicagar atau dibiayai	(2) Skala fi
Bagi RM500,000 yang pertama	1.25% (tertakluk kepada minimum sebanyak RM500)
Bagi RM7,000,000 yang berikutnya	1%
Melebihi RM7,500,000	Tertakluk kepada rundingan di atas lebihan tetapi tidak boleh melebihi 1% daripada lebihan itu
Bagi surat cara prinsipal	Skala fi penuh yang dinyatakan di atas
Bagi setiap surat cara subsidiari bagi maksud subseksyen 4(3) Akta Setem 1949 [<i>Akta 378</i>]	10% daripada skala fi penuh yang dinyatakan di atas (tertakluk kepada fi minimum sebanyak RM500 dan fi maksimum sebanyak RM2,000)

Susunan B

Dalam hal apa-apa transaksi yang tertakluk kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*] atau apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu atau apa-apa pindaannya atau apa-apa perundangan berikutnya yang mengawal pemajuan perumahan, saraan peguam cara yang menjalankan dan menyempurnakan transaksi pembiayaan bagi mana-mana pihak kepada transaksi pembiayaan itu hendaklah seperti yang berikut:

(1)	(2)
Amaun dicagar atau dibiayai	Skala fi
(a) Bagi surat cara prinsipal:	
RM50,000 atau kurang	RM500
Melebihi RM50,000 tetapi tidak melebihi RM250,000	75% daripada skala fi yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual ini (tertakluk kepada minimum sebanyak RM500)
Melebihi RM250,000 tetapi tidak melebihi RM500,000	70% daripada skala fi yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual ini
Melebihi RM500,000 tetapi tidak melebihi RM1,000,000	65% daripada skala fi yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual ini
Melebihi RM1,000,000	50% daripada skala fi yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual ini

(1) Amaun dicagar atau dibiayai	(2) Skala fi
(b) Setiap surat cara subsidiari bagi maksud subseksyen 4(3) Akta Setem 1949	10% daripada skala fi penuh yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual ini (tertakluk kepada fi minimum sebanyak RM500 dan fi maksimum sebanyak RM2,000)

KAEDAH-KAEDAH DI BAWAH JADUAL KETIGA

1. Seorang peguam cara hendaklah bertindak hanya bagi satu pihak kepada transaksi pembiayaan itu dan saraan peguam cara itu hendaklah mengikut skala fi berkenaan yang dinyatakan berdasarkan amaun yang dicagar atau dibiayai.
2. Seorang peguam cara yang bertindak bagi pembeli dalam suatu transaksi jual beli boleh juga bertindak bagi pembiaya atau pemegang gadaian dalam transaksi pembiayaan.
3. Jika kemudahan tambahan diberikan dan yang baginya surat cara prinsipal yang sedia ada disetamkan sebagai tambahan untuk meliputi kemudahan tambahan itu, saraan peguam cara itu hendaklah mengikut skala fi berkenaan yang dinyatakan berdasarkan amaun kemudahan tambahan itu.
4. Berkenaan dengan penyediaan dokumen cagaran atau perjanjian atau kedua-dua dokumen untuk perniagaan perbankan Islam sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013—
 - (a) skala fi yang dinyatakan bagi surat cara atau dokumen prinsipal hendaklah berdasarkan amaun pokok yang diberikan atau dibiayai oleh pembiaya (tertakluk kepada fi minimum yang dinyatakan); dan

- (b) fi bagi setiap surat cara subsidiari atau surat cara lain yang disediakan berhubung dengan transaksi pembiayaan itu (yang dibuat mengikut prinsip Syariah), untuk menjamin pembayaran balik wang yang diberikan atau dibiayai, hendaklah 10% daripada skala fi penuh yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual ini, tertakluk kepada fi minimum dan maksimum yang dinyatakan bagi setiap surat cara subsidiari atau surat cara lain.

Dengan syarat bahawa berkenaan dengan mana-mana produk pembiayaan pembelian rumah patuh Syariah yang tidak melebihi RM500,000 yang surat cara atau dokumen prinsipal sahaja yang dikenakan duti setem *ad valorem*, maka untuk maksud Jadual ini semata-mata, mana-mana surat cara (selain dokumen sekuriti) yang disediakan untuk produk pembiayaan pembelian rumah tersebut dan diperlukan hanya bagi maksud mematuhi prinsip-prinsip Syariah hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada surat cara atau dokumen prinsipal itu.

5. Dalam Jadual ini—

- (a) rujukan kepada skala fi penuh bagi surat cara prinsipal dan 10% daripada skala fi penuh bagi setiap surat cara subsidiari hendaklah juga terpakai bagi suatu transaksi jika peguam cara menyediakan dan menyempurnakan kedua-dua surat cara prinsipal dan subsidiari itu pada masa yang sama sebagaimana tujuan adalah untuk mencegah seseorang peguam cara daripada mengenakan skala fi penuh bagi satu atau lebih surat cara subsidiari, jika lebih daripada satu surat cara itu digunakan bagi transaksi yang sama itu;
- (b) jika surat cara prinsipal ialah surat tawaran bagi pembiayaan yang tidak disediakan oleh peguam cara, dan peguam cara itu diarahkan untuk menyediakan dan menyempurnakan satu atau lebih dokumen sekuriti sebagai surat cara subsidiari, peguam cara itu hendaklah mengenakan skala fi penuh ke atas salah satu daripada surat cara subsidiari itu seolah-olah ia merupakan surat cara prinsipal dan 10% daripada skala fi yang dinyatakan bagi surat cara subsidiari yang selebihnya (tertakluk kepada fi minimum dan maksimum yang dinyatakan dalam Jadual ini);

- (c) jika seorang peguam cara yang mengendalikan dokumen transaksi pembiayaan dan, selepas penyempurnaan transaksi pembiayaan itu, telah kemudiannya diarahkan untuk menyediakan dan menyempurnakan suatu surat cara subsidiari tambahan, peguam cara itu hendaklah mengenakan saraan yang patut dan munasabah bagi penyediaan dan penyempurnaan surat cara subsidiari berikutnya itu tidak melebihi 25% daripada skala fi berkenaan bagi surat cara prinsipal yang dinyatakan dalam Jadual ini; dan
- (d) jika seorang peguam cara telah diarahkan untuk menyediakan dan menyempurnakan surat cara subsidiari tambahan tetapi peguam cara itu tidak mengendalikan dokumen transaksi pembiayaan prinsipal yang telah disempurnakan itu, peguam cara itu hendaklah mengenakan saraan yang patut dan munasabah bagi penyediaan dan penyempurnaan surat cara subsidiari tambahan tidak melebihi 50% daripada skala fi berkenaan bagi surat cara prinsipal yang dinyatakan dalam Jadual ini.

JADUAL KEEMPAT

[Perenggan 2(d)]

*Pelepasan Gadaian dan Surat Ikatan Penyerahhakan Semula**Pelepasan Gadaian*

Hakmilik atau gadaian pertama	RM400
Setiap hakmilik atau gadaian tambahan dalam borang yang sama	RM100

Surat Ikatan Penyerahhakan Semula

Harta pertama	RM500
Setiap harta tambahan dalam surat ikatan yang sama	RM100
Jika surat ikatan penyerahhakan semula termasuk pembatalan surat kuasa wakil	Fi tambahan sebanyak RM200

KAEDAH-KAEDAH DI BAWAH JADUAL KEEMPAT

1. Skala fi dalam Jadual ini hendaklah kena dibayar hanya kepada peguam cara yang menjalankan dan menyempurnakan transaksi itu.
2. Dalam hal jika suatu pelepasan gadaian atau surat ikatan penyerahhakan semula—
 - (a) disediakan oleh peguam cara pembiaya atau pemegang gadaian dan tandatangan wakil pembiaya atau pemegang gadaian disaksikan oleh peguam cara tersebut, dan surat cara itu kemudiannya dihantar kepada peguam cara peminjam, penggadai atau penerima serah hak untuk menyempurnakan transaksi itu, saraan peguam cara pembiaya atau

pemegang gadaian dan peguam cara peminjam, penggadai atau penerima serah hak itu hendaklah masing-masing 50% daripada skala fi berkenaan dalam Jadual ini;

- (b) disediakan oleh peguam cara peminjam atau penggadai dan surat cara itu dihantar kepada peguam cara pembiaya, pemegang gadaian atau penerima serah hak hanya untuk pengakusaksian tandatangan wakil pembiaya atau pemegang gadaian, peguam cara pembiaya atau pemegang gadaian itu hanya boleh mengenakan fi bagi pengakusaksian seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kelima, dan saraan peguam cara peminjam atau penggadai atau penerima serah hak hendaklah fi berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual ini.

3. Dalam hal—

- (a) jika pelepasan gadaian atau surat ikatan penyerahhakan semula menghendaki peguam cara menyediakan atau menyempurnakan apa-apa dokumen secara berasingan dan dokumen tersebut boleh dikenakan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima hendaklah terpakai bagi dokumen itu; dan
- (b) jika surat ikatan penyerahhakan semula melibatkan sesuatu pemaju di bawah penyelesaian atau dalam penerimaan, peguam cara yang menjalankan dan menyempurnakan transaksi boleh mengenakan saraan tambahan mengikut hal keadaan dan saraan tambahan tersebut hendaklah tertakluk kepada kaedah 1 Jadual Keenam.

JADUAL KELIMA

[Perenggan 2(e)]

Menyediakan, memfailkan atau menyaksikan dokumen pelbagai

(1)	(2)
Perkara	Skala fi atau fi tetap
(a) Bagi menyaksikan penyempurnaan sesuatu dokumen	RM100 bagi salinan pertama dan RM50 bagi setiap salinan berikutnya
(b) Bagi menyaksikan penyempurnaan sesuatu dokumen dan memberikan perakuan pengakusaksian	RM200 bagi salinan pertama dan RM100 bagi setiap salinan berikutnya
(c) Borang di bawah seksyen 352 sehingga seksyen 364 Akta Syarikat 2016 [<i>Akta 777</i>]	RM500 bagi setiap set
(d) Borang-borang Cukai Keuntungan Harta Tanah (Borang CKHT):	Tertakluk kepada peruntukan kaedah 1 Jadual Keenam, tetapi tidak kurang daripada:
(i) Borang CKHT 1A	RM500
(ii) Borang CKHT 1A (bagi setiap pihak tambahan)	RM300
(iii) Borang CKHT 2A	RM400

	(1) Perkara	(2) Skala fi atau fi tetap
	(iv) Borang CKHT 2A (bagi setiap pihak tambahan)	RM300
	(v) Borang CKHT 3	RM200
	(vi) Borang CKHT 3 (bagi setiap pihak tambahan)	RM200
	(vii) Borang CKHT 502 (bagi setiap penjual)	RM250
(e)	Borang CP 600 (Borang pendaftaran nombor cukai pendapatan individu - LHDN)	RM500
(f)	Permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri atau Badan Berkanun untuk mendapatkan kebenaran bagi pindahmilik atau gadaian atau pajakan:	Tertakluk kepada peruntukan kaedah 1 Jadual Keenam, tetapi tidak kurang daripada:
	(i) Bagi harta yang balasan atau amaun pembiayaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah RM100,000 atau kurang	RM200 setiap permohonan

(1)	(2)
Perkara	Skala fi atau fi tetap
(ii) Bagi harta yang balasan atau amaun pembiayaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, melebihi RM100,000 tetapi tidak melebihi RM1,000,000	RM500 setiap permohonan
(iii) Bagi harta yang balasan atau amaun pembiayaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, melebihi RM1,000,000	RM3,000 setiap permohonan (tertakluk kepada RM500 sahaja bagi setiap permohonan untuk mendapatkan kebenaran bagi gadaian sahaja)
(g) Memfailkan apa-apa permohonan lain atau borang atau pemberitahuan dengan atau kepada pihak berkuasa berkenaan atau mana-mana pihak lain:	
(i) Notis mengenai jualan atau pindahmilik di bawah seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [<i>Akta 171</i>] atau kepada mana-mana pihak lain	RM100 setiap borang atau pemberitahuan

(1)	(2)
Perkara	Skala fi atau fi tetap
(ii) Penukaran nama tuan punya berdaftar di bawah seksyen 378 Kanun Tanah Negara [<i>Akta 828</i>], termasuk akuan berkanun yang perlu	RM300 setiap permohonan
(iii) Penukaran alamat tuan punya tanah berdaftar yang dikehendaki di bawah seksyen 379 Kanun Tanah Negara	RM300 setiap permohonan
(iv) Permohonan bagi pendaftaran wakil diri di bawah seksyen 346 Kanun Tanah Negara	Tertakluk kepada peruntukan kaedah 1 Jadual Keenam, tetapi tidak kurang daripada RM500 bagi hakmilik pertama dan RM200 bagi setiap hakmilik berikutnya
(v) Permohonan bagi pendaftaran perintah perletakan hak statutori yang diberikan di bawah seksyen 415 Kanun Tanah Negara	Tertakluk kepada peruntukan kaedah 1 Jadual Keenam, tetapi tidak kurang daripada RM500 bagi hakmilik pertama dan RM200 bagi setiap hakmilik berikutnya

(1)	(2)
Perkara	Skala fi atau fi tetap
(vi) Permohonan kepada Lembaga Tanah Ladang di bawah seksyen 214A Kanun Tanah Negara	Tertakluk kepada peruntukan kaedah 1 Jadual Keenam, tetapi tidak kurang daripada RM3,000 setiap permohonan
(vii) Permohonan kepada Kementerian Ekonomi atau badan-badan kawal selia yang sama	Tertakluk kepada peruntukan kaedah 1 Jadual Keenam, tetapi tidak kurang daripada RM3,000 setiap permohonan
(h) Memasukkan kaveat persendirian susulan daripada opsyen untuk membeli, perjanjian jual beli atau transaksi pembiayaan, termasuk akuan berkanun yang diperlukan	RM300 bagi hakmilik pertama dan RM100 bagi setiap hakmilik berikutnya
(i) Penarikan kaveat persendirian	RM200 bagi hakmilik pertama dan RM100 bagi setiap hakmilik berikutnya
(j) Memasukkan kaveat amanah, termasuk akuan berkanun yang diperlukan	RM500 bagi hakmilik pertama dan RM100 bagi setiap hakmilik berikutnya
(k) Akuan berkanun	RM150 setiap dokumen

(1)	Perkara	(2)	Skala fi atau fi tetap
(l)	Bagi memperakukan sesuatu dokumen	Tidak melebihi RM100 bagi perakuan pertama dan tidak melebihi RM50 bagi setiap perakuan berikutnya bagi dokumen yang sama	
(m)	Mengeluarkan surat aku janji yang baharu oleh peguam cara pembeli kepada pembiaya atau peguam cara pembiaya	RM100 setiap surat	

KAEDAH-KAEDAH DI BAWAH JADUAL KELIMA

1. Seorang peguam cara tidak berhak kepada fi penyaksian atau pengakusaksian—
 - (a) dalam hal jika peguam cara itu menyediakan, menyelesaikan atau meluluskan dokumen berkenaan dan diberikan saraan mengikut Perintah ini; atau
 - (b) dalam hal jika peguam cara itu bertindak bagi satu pihak dalam sesuatu transaksi, dan menyaksikan atau mengakusaksikan tandatangan pihak yang lagi satu yang tidak diwakilinya.
2. Jika peguam cara yang menyaksikan atau mengakusaksikan itu diminta menerangkan atau menasihati mengenai kandungan apa-apa dokumen yang tidak disediakan olehnya, peguam cara itu berhak kepada saraan mengikut kaedah 1 Jadual Keenam.
3. Seorang peguam cara yang mengurus apa-apa rayuan berkenaan dengan apa-apa borang atau permohonan yang dinyatakan dalam Jadual ini hendaklah berhak kepada saraan tambahan mengikut kaedah 1 Jadual Keenam.

JADUAL KEENAM

[Perenggan 2(f)]

KAEDAH-KAEDAH DI BAWAH JADUAL KEENAM

1. Saraan seorang peguam cara bagi kerja bukan bertikaian yang tiada peruntukan dibuat secara skala fi atau fi tetap hendaklah suatu jumlah wang yang patut dan munasabah dengan mengambil kira semua hal keadaan kes itu, dan khususnya hal keadaan yang berikut:

- (a) mustahaknya perkara itu kepada klien;
- (b) kemahiran, tenaga, pengetahuan khusus dan tanggungjawab yang terlibat di pihak peguam cara itu;
- (c) kerumitan perkara itu, atau kesukaran atau kebaharuan persoalan yang dibangkitkan;
- (d) amaun atau nilai wang atau harta terlibat;
- (e) masa yang dihabiskan oleh peguam cara itu;
- (f) bilangan dan mustahaknya dokumen yang disediakan atau diteliti oleh peguam cara itu;
- (g) tempat dan hal keadaan yang perkhidmatan atau urusan atau mana-mana bahagian perkhidmatan atau urusan diberikan atau dijalankan transaksi.

2. Dalam hal jika seorang peguam cara telah menjalankan sesuatu transaksi yang tiada dokumen hakmilik individu atau strata telah dikeluarkan ketika transaksi itu disempurnakan, jumlah saraan yang patut dan munasabah bagi peguam cara yang menyediakan dan menyempurnakan surat cara pindahmilik atau gadaian yang berikutnya tidak boleh melebihi 25% daripada skala fi berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau Jadual Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada fi minimum yang dinyatakan.

3. Dalam hal jika seorang peguam cara menjalankan apa-apa transaksi setelah pengeluaran dokumen hakmilik individu atau strata tetapi dia tidak menjalankan transaksi itu pada ketika transaksi itu disempurnakan sebelum pengeluaran dokumen hakmilik individu atau strata itu, saraan yang patut dan munasabah bagi peguam cara yang menyediakan dan menyempurnakan surat cara pindahmilik atau gadaian yang berikutnya tidak boleh melebihi 50% daripada skala fi berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau Jadual Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada fi minimum yang dinyatakan.

4. Dalam hal apa-apa transaksi jika tiada perjanjian jual beli bertulis, atau perjanjian jual beli tidak disediakan oleh peguam cara itu dan peguam cara itu tidak dikehendaki menerangkan atau menasihatkan klien mengenai terma-terma dan syarat-syaratnya, atau transaksi itu dilaksanakan atas dasar kasih sayang atau tiada balasan atau menurut suatu pengisytiharan amanah atau surat cara lain yang seumpamanya atau merupakan pemindahhakan daripada pentadbir atau wasi harta pusaka si mati kepada benefisiari atau benefisiari-benefisiari harta pusaka itu, saraan bagi peguam cara yang menyediakan dan menyempurnakan surat cara pemindahhakan itu hendaklah mengikut kaedah Jadual Keenam.

5. Dalam hal jika suatu transaksi itu ditamatkan, tidak disempurnakan atau tidak diselesaikan walau apa pun sebabnya, saraan yang patut dan munasabah bagi peguam cara itu tidak boleh melebihi 50% daripada skala fi berkenaan, tertakluk kepada fi minimum yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, jika kerja yang perlu dibuat oleh peguam cara itu telah disiapkan sepenuhnya atau sebahagian besar daripadanya, peguam cara itu hendaklah berhak mengenakan skala fi penuh sebagai saraannya.

Dibuat 4 Julai 2023

[BC/CEN/M/17/2022 | BC/PA/CPC/112/2022; PN(PU2)314/Jld. 21]

DATO' MOHAMAD ZABIDIN BIN MOHD DIAH
Hakim Besar Malaya

SUZANA BINTI ATAN
bagi Peguam Negara Malaysia

AZHANIZ TEH BIN AZMAN TEH
bagi Ketua Pendaftar

DATUK ROGER TAN KOR MEE
Peguam Bela dan Peguam Cara

CHIAH KIM CHAI
Peguam Bela dan Peguam Cara

ZEMILAH BINTI MOHD NOOR
Peguam Bela dan Peguam Cara

ANDREW WONG FOOK HIN
Peguam Bela dan Peguam Cara

LEGAL PROFESSION ACT 1976

SOLICITORS' REMUNERATION ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by subsection 113(3) of the Legal Profession Act 1976 [Act 166], the Solicitors Costs Committee makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Solicitors' Remuneration Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 15 July 2023.

Remuneration

2. The remuneration of a solicitor in respect of non-contentious business—

(a) in respect of sales, purchases or other forms of conveyances for completing any transaction involving immovable properties—

(i) the remuneration of the solicitor having the conduct of the transaction whether acting for the vendor, purchaser, transferor or transferee, shall be in accordance with the First Schedule;

